

Date	11 October 2014
Publication	BH Online
Headline	Budget 2015 letak Malaysia pada kedudukan stabil
Link	Bajet 2015 letak Malaysia pada kedudukan stabil

BH ONLINE
UTAMA
SEMASA
POLITIK
SUKAN
DUNIA
BISNES
JENAYAH



BAJET 2015

SABTU, 11 OKTOBER 2014 @ 4:26 PM

Bajet 2015 letak Malaysia pada kedudukan stabil

Tweet 9
 Like Share 975
 +1 0

KUALA LUMPUR: George Kent Malaysia Bhd menyambut baik Bajet 2015 yang memperuntukkan RM48.5 bilion bagi projek pembangunan dan infrastruktur yang akan meletakkan Malaysia pada kedudukan stabil untuk berkembang dalam ekonomi global.

Pengarah Eksekutifnya, Bernie Ooi, berkata ia bukan sahaja akan membawa kepada hasil yang diinginkan bagi peningkatan ekonomi dan sosial rakyat, tetapi juga memacu usaha pembangunan dan kepelbagaian melalui projek teknologi kritikal dalam sektor penjagaan kesihatan, infrastruktur air dan pengangkutan.

Beliau turut mengalu-alukan pembentukan Pelan Tindakan Air Kebangsaan bagi memastikan kelangsungan bekalan air di seluruh negara untuk jangka panjang, termasuk pengurusan menyeluruh sungai, pembinaan dan menaik taraf loji rawatan air.

"Sejak awal 2014, kawasan tertentu menjadi mangsa berikutan sumber air yang rendah dan perubahan cuaca.

"Usaha kerajaan untuk mempelbagaikan sumber bekalan air melalui penerokaan air bawah tanah dan penggunaan semula air terawat bagi industri dan pertanian, serta meluaskan penggunaan sistem penahan air ribut, akan membantu mengurangkan masalah tersebut," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Ooi berkata, syarikat akan terus mengambil bahagian dalam tender untuk mewujudkan lebih banyak projek bekalan air dan loji rawatan air bagi memenuhi permintaan dan memastikan rakyat mendapat air yang mencukupi bagi tahun-tahun akan datang.

- BERNAMA



GEORGE Kent Malaysia Bhd menyambut baik Bajet 2015 yang memperuntukkan RM48.5 bilion bagi projek pembangunan dan infrastruktur yang akan meletakkan Malaysia pada kedudukan stabil untuk berkembang dalam ekonomi global. - Foto georgekent.net
